

Group discussion 2:

Falsafah pendidikan bagi negara Brunei

Pendidikan kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah usaha yang berterusan bersumberkan ilmu *naqli* dan '*aqli* kearah memperkembangan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertakwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhlak mulia. Segala usaha ini akan mewujudkan masyarakat berilmu dan berwawasan yang akan menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat serta menimbulkan suatu identiti kebangsaan berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja menurut *Ahlissunnah Waljamaah* sebagai tapak pertumbuhan dan pengukuhan ketaatan kepada agama, raja, dan Negara Brunei Darussalam (Lihat *Pencapaian dan Penilaian 20 Tahun Pendidikan 1984-2003 dan Perancangan 20 Tahun Akan Datang 2004-2024*, Kementerian Pendidikan, 2004 : 8).

Malaysia	Brunei
Berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan	Bersumberkan ilmu naqli dan aqli.
Bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri	Bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertakwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhlak mulia.
Memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.	Menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat.
Usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh.	